

# MAJLIS GRADUASI PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (RPEL) TAHUN 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3188-majlis-graduasi-program-recognition-of-prior-experiential-learning-rpel-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3188-majlis-graduasi-program-recognition-of-prior-experiential-learning-rpel-tahun-2018)

PWTC, 15 Mac 18 – Bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC) telah berlansungnya Majlis Graduasi Program Recognition Of Prior Experiential Learning (RPEL) Tahun 2018 anjuran kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Turut hadir majlis tersebut adalah AKS Kejuruteraan, YBhg Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM.

Seramai 357 anggota dari 3 perkhidmatan telah menyertai program ini dan 196 anggota TUDM telah diraikan di atas kejayaan mereka menyempurnakan keperluan dokumentasi yang melayakkan mereka dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4.

Majlis penyampaian sijil graduasi ini telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Sri (DR) Richard Riot Anak Jaem.

